

Menangani anak Autisme

AUTISME adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat. Hasil kajian mendapati pada masa ini berlaku peningkatan jumlah anak yang dilahirkan mengalami penyakit itu.

Namun sejak kebelakangan ini, isu yang menjadi persoalan dalam kalangan ibu bapa dan guru adalah berkenaan perihal seksualiti dialami oleh anak istimewa itu, terutamanya apabila mereka melangkah ke usia remaja.

Sehubungan itu, buku *Masalah Remaja Autisme* dihasilkan bagi membantu dan memberi panduan kepada ibu



Tajuk: Masalah Remaja Autisme
Penulis: Prof. Madya Dr. Fariza Md Sham, Prof. Madya Dr. Manisah Mohd Ali, Prof. Madya Dr. Zuliza Mohd Kusrin, Dr. Siti Norlina Muhamad, Dr. Rosmawati Mohd Rasit dan Salmihah Che Mud
Penerbit: Telaga Biru Sdn. Bhd.
Halaman: 101 muka surat
Harga: RM12
ISBN: 978 967 388 335 6.

peri laku remaja autisme daripada perspektif Islam.

Ia membincangkan secara terperinci tentang kedudukan

orang kurang upaya menurut perspektif Islam, kaedah ibu bapa dalam mendidik anak-anak, konsep autisme serta dimuatkan juga tatacara didikan ibu bapa dalam menangani peri laku seksual remaja berkenaan.

Buku itu juga berupaya mengaitkan sifat reda dengan ketentuan Allah SWT kerana mendapat anak autisme dan seterusnya mendidik anak tersebut dengan penuh sabar serta kasih sayang.

Selain itu, sorotan aspek didikan tauhid, amal ibadah khususnya solat, membaca al-Quran, adab, berdoa dan menangani seksualiti dalam kalangan remaja berkenaan menjadikan buku ini lebih istimewa, khusus dan terperinci.

Ia sesuai untuk membantu ibu bapa, guru dan pihak berkaitan dalam memberikan didikan terbaik, sekaligus membimbing anak autisme untuk melaksanakan ibadat mengikut syariat Islam.

bapa, guru dan masyarakat dalam menangani masalah seksual